



JUMLAH PENGAGIHAN PENDAPATAN

5.25 SEN SEUNIT

MERANGKUMI
PENGAGIHAN PENDAPATAN 4.85 SEN SEUNIT + BONUS 0.40 SEN SEUNIT



ASB 3 Didik

PNB 1H 2019 UPDATE

Zeti bersama Abdul Rahman pada sesi taklimat prestasi separuh pertama PNB tahun ini di Kuala Lumpur, semalam.

PNB catat peningkatan AUM melepasi paras RM300 bilion

➔ Agensi kekal pulangan, pertumbuhan bukti keyakinan rakyat

Oleh Nasuha Badrul Huzaini nasuha@bh.com.my

Aset di Bawah Pengurusan (AUM) Permodalan Nasional Bhd (PNB) buat

kali pertama melonjak melepasi paras RM300 bilion, iaitu kepada RM301.4 bilion. Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr Zeti Aziz, berkata selain peningkatan AUM sebanyak tujuh peratus tahun ke tahun itu, jumlah pemegang akaun juga meningkat sebanyak 5.2 peratus kepada 14.1 juta akaun. Katanya, prestasi berkenaan menggambarkan keyakinan rakyat negara ini terhadap PNB. "Persekitaran dalam separuh pertama tahun ini kekal mencabar bagi semua institusi pelaburan sejajar dengan perkembangan global dan domestik.

"Walaupun begitu, kami berpuas hati kerana dapat terus mengekalkan pulangan dan pertumbuhan AUM kami," katanya pada sesi taklimat prestasi separuh pertama PNB tahun ini di Kuala Lumpur, semalam. Yang hadir sama Ketua Eksekutif PNB, Datuk Abdul Rahman Ahmad.

Strategi masa hadapan Sehingga 31 Mei lalu, pendapatan bersih proforma PNB yang digabungkan menurun hanya sebanyak 1.4 peratus kepada RM5.3 bilion. Ia mencerminkan persekitaran yang mencabar yang mana Indeks FBM KLCI juga merosot

sebanyak 2.4 peratus dalam tempoh sama. Mengulas mengenai strategi PNB pada masa hadapan, Dr Zeti berkata, Kajian Separuh Penggal Pelan Strategik PNB sedang berjalan lancar dalam tiga bidang utama yang sudah dikenal pasti. "Ia membabitkan Peruntukan Aset Strategik dan Pengurusan Kecairan Optimum, Pengurusan Risiko Organisasi dan Transformasi Organisasi. "Pelaksanaan kajian semula ini adalah sangat penting dalam usaha PNB untuk terus memberikan pulangan yang mampan dalam jangka sederhana dan panjang," katanya.